

AYAT TUNGGAL

Ayat tunggal ialah ayat yang mempunyai **satu subjek** dan **satu predikat** sahaja.

Contoh:

1. Bangunan yang tinggi itu bangunan Dayabumi.
2. Emak sedang memasak nasi di dapur.
3. Wah, cantiknya baju kamu!
4. Siapakah yang melukis potret ini?
5. Letakan surat khabar ini di sana.

JENIS AYAT

Terdapat empat jenis ayat dalam bahasa Melayu, iaitu:

- ayat penyata;
- ayat tanya;
- ayat perintah; dan
- ayat seruan.

Ayat Penyata

Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat sesuatu pernyataan.

Contoh:

1. Encik Azuan guru Bahasa Melayu kami.
2. Latihan sukan akan diadakan pada hari Selasa.
3. Kakitangan kerajaan berpakaian batik pada hari Khamis.
4. Fariah sedang menikmati juadah makan tengah hari.
5. Dalila dan keluarganya melancong ke pantai timur.

Ayat Tanya

Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal. Ayat tanya tergolong kepada dua jenis, iaitu:

- ayat tanya dengan kata tanya; dan
- ayat tanya tanpa kata tanya.

Ayat Tanya	Contoh
Dengan kata tanya	<ul style="list-style-type: none">• Awak hendak makan apa?• Guru bahasa Melayu kamu siapa?• Bagaimanakah kamu datang ke sekolah?• Mengapakah banjir kilat semakin kerap berlaku?
Tanpa kata tanya	<ul style="list-style-type: none">• Salina datang pada hari ini?• Kamu hendak makan nasi ayam?• Awak mahu pulang sekarang juga?• Mesin ini masih boleh digunakan?

Ayat Perintah

Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Terdapat empat jenis ayat perintah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah ini.

Ayat Perintah	Contoh
Ayat suruhan	<ul style="list-style-type: none">• Angkat meja itu.• Bersihkan meja makan sekarang.• Keluar dari bilik ini.
Ayat larangan	<ul style="list-style-type: none">• Usah dikenang peristiwa yang lalu.• Tak usahlah engkau bersedih hati.• Jangan buang sampah di merata-rata tempat.
Ayat silaan	<ul style="list-style-type: none">• Jemput duduk.• Sila jamah hidangan yang tak seberapa ini.• Sila datang ke bilik saya dengan segera.
Ayat permintaan	<ul style="list-style-type: none">• Tolong hantar buku latihan kalian.• Minta luruskan barisan.• Harap bersabar sebentar.

Ayat Seruan

Ayat seruan ialah ayat yang diungkapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti takut, marah, takjub, geram, sakit dan sebagainya. Intonasi seruan ini digambarkan dengan kata seru (!) yang diletakkan pada akhir ayat.

Contoh:

1. Wah, indahnyanya kawasan ini!
2. Cis, berani engkau mencabar aku!
3. Aduhai, malang sungguh nasibku ini!
4. Eh, di sini awak rupa-rupanya!
5. Syabas, saudara telah menjadi usahawan berjaya!